

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2025)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2024, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERTITAH SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**

3. **SOALAN LISAN -**

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 1 (A50)**

Bagaimanakah Majlis Pembangunan Bakat Johor atau Johor Talent Development Council (JTDC) berfungsi dan apakah solusi terbaik bagi memastikan kemahiran pekerja dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pemain industri di Johor?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 2 (A39)**

Sudah tentu projek RTS merupakan satu projek yang akan memanfaatkan para pekerja, pengunjung dan penduduk dari Malaysia ke Singapura. Apakah jaminan kerajaan negeri bagi memastikan trafik di sekitar bandaraya Johor Bahru serta seluruh Greater JB tidak akan terbeban?

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 3 (A211)**

Apakah status pelaksanaan Projek Lampu Jalan Kampung bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)?

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 4 (A189)**

Nyatakan statistik terkini pencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) untuk negeri Johor dan usaha proaktif kerajaan negeri untuk meningkatkan lagi golongan wanita di negeri ini untuk mencarum di bawah SKSSR.

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 5 (A221)

Mohon Kerajaan Negeri Johor menaikkan elaun guru KAFA daripada RM512.00 ke RM1,000.00.

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 6 (A46)

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk membantu golongan belia untuk mendapatkan rumah pertama mereka serta pembinaan baru untuk rumah mampu milik Johor khususnya di kawasan Kukup yang belum pernah wujud dan terlaksana?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 7 (A180)

Apakah status dan perancangan kerajaan negeri bagi kerja-kerja menaiktaraf klinik daif di negeri Johor seperti Klinik Kesihatan Gelang Patah?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 8 (A54)

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan perusahaan mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan mendapat manfaat daripada kemasukan pelaburan langsung asing?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 9 (A219)

Adakah kerajaan negeri Johor bercadang untuk menaikkan jumlah bantuan am JKM negeri Johor daripada RM300 kepada RM500?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 10 (A159)

Memandangkan Kerajaan Persekutuan akan menambah RM100 kepada penerima bantuan warga emas JKM pada tahun 2025, adakah terdapat peningkatan kadar bantuan am JKM negeri Johor pada tahun 2022 sehingga 2024?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 11 (A165)

Dalam Belanjawan Malaysia 2025, kadar bantuan kepada warga emas, kanak-kanak telah ditingkatkan. Bolehkah kerajaan negeri meningkatkan kadar Bantuan Am dibawah kerajaan negeri dari RM300 kepada RM500?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 12 (A20)

Apakah inisiatif yang telah diambil oleh Majlis Pembangunan Bakat Johor (JTDC) untuk mencapai sasaran dengan mewujudkan 100 ribu peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 13 (A132)

Nyatakan sama ada kerajaan negeri akan menyediakan rumah untuk disewa dan berapa bilangan rumah tersebut, kepada golongan B40 dan M40 dalam Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) untuk menampung peningkatan penduduk di kawasan itu.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 14 (A137)

Menjelang Tahun 2030, negara akan dibanjiri warga emas. Apakah PERKESO membuat kajian dan bercadang memperluas dasar agar orang berinsuran yang berusia 60 tahun hingga 65 tahun dapat menerima manfaat caruman.

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 15 (A17)

YAB Menteri Besar Johor telah membuat lawatan mengejut ke Klinik Kesihatan (KK) Kulai pada 25 Julai 2024. Sila nyatakan tindakan susulan untuk menyelesaikan masalah kesesakan perkhidmatan KK berkenaan? Apa status terkini tentang perancangan membina KK baharu di Taman Mewah Senai?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 16 (A150)

Kadar capaian internet seperti hanya laungan retorik dan ianya tidak berlaku di kawasan luar bandar terutama dalam kawasan DUN Sri Medan. Adakah kerajaan mempunyai inisiatif sendiri untuk mengatasi masalah ini?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 17 (A77)

Masih ada lagi kawasan Parit Yaani yang tiada liputan internet jalur lebar khususnya di Parit Jambi, Parit Andin dan Parit Yob. Apakah perancangan kerajaan negeri dalam menangani isu tersebut?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 18 (A134)

Minta dinyatakan komitmen kerajaan negeri dalam menangani dan mengurangkan risiko banjir kilat.

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)
SOALAN 19 (A113)

Apakah perancangan pihak kerajaan terhadap gelanggang futsal dibawah peruntukan KBS yang dalam keadaan terbiar dan tidak terurus?

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 20 (A172)

Terdapat usaha agensi berkaitan melaksanakan pemutihan senarai e-kasih secara berkala. Sejauh manakah usaha tersebut berjaya mencapai matlamat dalam memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja berada dalam senarai penerima bantuan.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 21 (A141)

Dengan keadaan cuaca yang tidak menentu pada masa kini, nasib nelayan pesisir laut amat terjejas akan sumber mata pencarian mereka. Justeru itu apakah kerajaan bercadang memberikan bantuan khas terhadap golongan nelayan ini yang terjejas ekoran faktor impak cuaca yang berlaku?

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 22 (A173)

Apakah langkah kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mewajibkan penggunaan Bahasa Melayu sepenuhnya di semua papan tanda termasuk papan tanda perniagaan di negeri Johor.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 23 (A140)

Mengesyorkan kerajaan meluaskan inisiatif program Bakat Bangsa Johor yang dilaksanakan oleh Johor Talent Development Council (JTDC) di DUN Sungai Balang yang terletak dalam koridor MEG, kerana ia akan berperanan sebagai penyedia tenaga kerja mahir dan berkepakaran bagi pelabur yang terlibat.

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 24 A125

Bila masalah lampu tidak menyala di Lebuhraya Pasir Gudang dan EDL Permas Jaya ke Pasir Gudang data diselesaikan?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 25 (A138)

Minta dinyatakan usaha dan perancangan jangka panjang pihak kerajaan menangani kebanjiran warga asing yang tinggal di kawasan-kawasan perumahan khasnya di kawasan DUN Parit Raja.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 26 (A204)

Apakah langkah kerajaan di dalam memperbanyakkan peluang pekerjaan bagi Orang Kelainan Upaya khususnya khususnya orang pekak bisu dan apakah peranan kerajaan di dalam membangkitkan kesedaran dan keperihatinan orang awam terhadap golongan pekak bisu?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 27 (A2)

Diminta bilangan pesakit autism yang dilapor dari tahun 2022 hingga tahun 2024?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 28 (A127)

Bilakah jabatan ke dua Permas akan dibina?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 29 (A107)

Terdapat banyak pokok mati atau berbahaya di tepi-tepi jalan. Ia mendatangkan bahaya terutamanya musim monsun. Adakah kerajaan bersedia untuk ubah sistem daripada pokok tumbang baru potong kepada sistem pencegahan iaitu potong atau selenggara sebelum tumbang?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 30 (A212)

Apakah perancangan Yayasan Warisan Johor dalam menaikkan semula kebudayaan setiap daerah di negeri Johor khususnya bagi Tahun Melawat Johor 2026?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 31 (A82)

Apakah program-program yang telah dijalankan atau bakal dijalankan bagi penglibatan Bangsa Johor di Yayasan Warisan Johor untuk tahun 2024 yang bakal memberi impak bagi Tahun Melawat Johor 2026?

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2025) TAHUN 2024.

----- (BAHASAN YB BACK-BENCHERS) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Selasa, 26 November 2024, jam 9:30 pagi.